

PEMAKLUMAN SEMULA MENGENAI PANDUAN RINGKAS DALAM MELENGKAPKAN PERMOHONAN MENGHADIRI PERSIDANGAN ANTARABANGSA SECARA ATAS TALIAN / ONLINE MELALUI SISTEM e- MOHON AKTIVITI RASMI (SISTEM e-AKTIVITI)

Pihak CRIM mengambil maklum bahawa situasi pandemik Covid 19 yang melanda negara kini telah meningkatkan penganjuran persidangan antarabangsa iaitu melalui persidangan atas talian / online.

Permohonan untuk menghadiri persidangan antarabangsa secara atas talian / online **perlu dilakukan sepenuhnya dalam Sistem e-Aktiviti** yang boleh dicapai melalui <http://www.my/eaktiviti> ataupun melalui aplikasi Gerbang Warga UKM (carian Aktiviti Rasmi seperti prosedur biasa).

Pihak CRIM mendapati, terdapat kalangan pemohon yang masih keliru dengan tatacara permohonan untuk menghadiri persidangan antarabangsa secara atas talian / online. Justeru itu, pihak CRIM mengambil inisiatif mengedarkan infografik ringkas mengenai tatacara ini bagi membantu pemohon untuk lebih jelas dengan tatacara permohonan.

Bersama-sama ini, dilampirkan panduan ringkas melengkapkan permohonan menghadiri persidangan antarabangsa atas talian / online melalui Sistem e-Aktiviti bagi memastikan permohonan dapat dilengkapkan dengan tepat dan lengkap.

Pihak CRIM berharap semoga panduan ini dapat membantu untuk memudahkan dan melancarkan permohonan menghadiri persidangan antarabangsa atas talian / online melalui Sistem e-Aktiviti di peringkat Fakulti/Institut/Pusat. Sekian dulu untuk makluman dan tindakan selanjutnya oleh semua Fakulti/Institut/Pusat.

Terima kasih.

Hebahan rasmi:

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi (CRIM)

8 Disember 2020

Panduan Ringkas Melengkapkan Permohonan Sistem e-Aktiviti Bagi Aktiviti Menghadiri Persidangan Antarabangsa Atas Talian / Online

Tempat (Venue):

Sila masukkan maklumat tempat persidangan diadakan dan nyatakan **"Atas Talian / Online"** dalam kurungan. Contoh: **Sumy State University (Atas Talian)**.

Negara:

Sila masukkan maklumat **"Malaysia"** kerana pemohon tidak keluar negara (Pemohon berada di Malaysia kerana persidangan diadakan secara atas talian).

Jenis Pembentangan:

Sila pilih jenis pembentangan yang berkenaan sama ada **"Pembentangan Lisan / Pembentangan Poster"**.

Hebahan rasmi:

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumenasi (CRIM)
8 Disember 2020

The screenshot shows the 'eMohon Aktiviti Rasmi' application version 2.0.31. The main header includes links for Laman Utama, Profil Individu, Perakuan, Urusetia CRIM, and Bantuan. The sub-menu shows 'Profil Individu > Urusan Menghadiri > Semakan Permohonan'. The application form is titled 'ID BORANG PERMOHONAN: D11406420' and 'STATUS BORANG: Diluluskan (Pelulus F/1/P)'. It contains sections for 'MAKLUMAT ASAS PEMOHON', 'Aktiviti Rasmi', 'Komponen Keterlibatan', 'Tarikh Mohon', 'Tarikh Kemaskini', 'Kriteria SPPU', and 'Mata SPPU'. A note on the right says 'Untuk urusan KELULUSAN PERMOHONAN'. Below this is a dropdown menu for 'PERSIDANGAN' set to 'ATAS TALIAN / BERJADUAL'. The 'Mod Aktiviti' section has a checked checkbox for 'Penyelidikan & Inovasi'. The 'Tarikh Aktiviti' section shows 'MULA: 09/11/2020' and 'TAMAT: 13/11/2020'. The 'Nama/Tajuk' section lists 'IEEE International Conference on "Nanomaterials: Applications & Properties" (NAP-2020)'. The 'Tempat (Venue)' section shows 'Persidangan Maya' and 'Negara' set to 'Malaysia'. The 'Penganjur' section shows 'The IEEE Nanotechnology Council'. The 'Peringkat' section shows 'Antarabangsa'. The 'Status Mewakili' section shows 'Mewakili Universiti'. The 'Jenis Pembentangan (Jika Berkaitan)' section shows 'Pembentangan Lisan'. The 'Peranan 1' section shows 'Pembentangan'. The 'Peranan 2' and 'Peranan 3' sections both show 'Sila pilih --'. The 'Tarikh Perjalanan' section shows 'PERGI: 09/11/2020' and 'TIBA/PULANG: 13/11/2020'. A note at the bottom right says 'Sila muat naik LAMPIRAN jika perlukan: a) Penguraptama/Penceraahan (Jenis lampiran: Surat Jawapan) b) Pembentangan (Abstrak/Poster/Manusia/Kertas Kerja)'. The footer includes 'PRAPAPAR / CETAK BORANG PERMOHONAN' and 'Hakcipta Terpelihara © Pusat Teknologi Maklumat, UKM 2012'.

Aktiviti Rasmi:

Sila pilih **"Atas Talian / Berjadual"** untuk Mod Aktiviti.

Tarikh Aktiviti:

Sila masukkan **"tarikh persidangan diadakan"**.

Nama / Tajuk:

Sila masukkan **"tajuk persidangan"** yang dihadiri.

Penganjur:

Sila masukkan **"nama penganjur persidangan"**.

Tarikh Perjalanan:

Tarikh Perjalanan mestilah **sama** dengan **Tarikh Aktiviti**.

Nota:

Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan Pegawai CRIM, Puan Roslina Rosli di talian 03-89215027.